

Utarid: Si Kerdil yang Dilayur

written by Hazrul | 07/06/2023

Utarid dinamakan bersempena dengan nama Dewa Rom [Mercurius](#) (*Mercury*), iaitu dewa perdagangan, dan pengantara antara dewa dan manusia.

Utarid adalah planet terkecil di dalam sistem suria kita - hanya sedikit lebih besar daripada [Bulan Bumi](#). Utarid adalah planet yang mengorbit yang paling dekat dengan [Matahari](#). Planet ini adalah terpendek dalam sistem suria kita - bergerak melalui ruang angkasa dengan kelajuan 29 batu (47 kilometer) sesaat. Oleh kerana Utarid adalah planet terpendek dan mempunyai jarak terpendek untuk mengelilingi Matahari, ia mempunyai tahun terpendek dari semua planet dalam sistem suria kita - dengan 88 hari.

Permukaan planet ini berbatu yang juga dikenali sebagai planet daratan, kerana ianya mempunyai permukaan pepejal dan kawah-kawah sama seperti bulan Bumi. Kita tidak boleh bernafas di sini, kerana atmosfera Utarid yang nipis atau [eksosfera](#), kebanyakannya terdiri daripada [oksigen](#) (O₂), [natrium](#) (Na), [hidrogen](#) (H₂), [helium](#) (He), dan [kalium](#) (K).

Utarid juga tidak mempunyai bulan seperti Bumi dan planet-planet yang lain. Tidak mungkin wujudnya kehidupan di sini kerana planet ini mempunyai suhu yang melampau dan permukannya sentiasa dihujani [radiasi suria](#).

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.